



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

### **PENGURUSAN TAWARAN PELANTIKAN**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memberikan panduan dalam menguruskan tawaran pelantikan secara tetap dan kontrak (Interim).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling Perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Bilangan 1 Tahun 2021 – Pengurusan Tawaran Pelantikan Secara Tetap yang telah berkuatkuasa mulai 8 Oktober 2021 merupakan panduan yang digunakan dalam menguruskan tawaran pelantikan. Walau bagaimanapun memandangkan terdapat perubahan terhadap kaedah pelantikan, pengintegrasian sistem dan penambahbaikan fleksibiliti tempoh penerimaan tawaran kepada calon, wujud

keperluan untuk mengeluarkan satu panduan baharu mengenai pengurusan tawaran pelantikan.

## **DEFINISI**

3. Bagi maksud pekeliling ini:

“**Akuan Berkanun**” bermaksud suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13] seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;

“**calon**” bermaksud seseorang yang telah ditawarkan pelantikan secara tetap dan kontrak (Interim) oleh Suruhanjaya;

“**Ketua Perkhidmatan**” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan atau Ketua Jabatan yang diberikan tanggung jawab dalam urusan pengambilan;

“**pengamal perubatan berdaftar**” bermaksud pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50] sama ada pegawai perubatan kerajaan atau swasta.

## **PERATURAN MENGENAI SURAT TAWARAN PELANTIKAN**

4. Terdapat beberapa peraturan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012] yang menjelaskan mengenai surat tawaran pelantikan seperti berikut:

(a) Peraturan 19(1) – Suruhanjaya hendaklah membuat tawaran pelantikan kepada calon yang berjaya sama ada secara terus atau melalui Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya;

(b) Peraturan 19(2) – Suruhanjaya boleh mengarahkan Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan untuk membuat tawaran pelantikan

kepada calon yang berjaya bagi pihak Suruhanjaya, dan Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan yang telah diarahkan sedemikian hendaklah menghantarkan kepada Suruhanjaya satu salinan surat tawaran pelantikan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Perkhidmatan atau Ketua Jabatan itu;

- (c) Peraturan 19(3) – Setiap surat tawaran pelantikan hendaklah menyatakan apa-apa maklumat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;
- (d) Peraturan 20(5) – Suruhanjaya boleh membatalkan tawaran pelantikan jika calon itu didapati tidak sihat setelah diperiksa oleh pengamal perubatan berdaftar atau tidak mematuhi mana-mana syarat dalam suatu akuan berkanun dan Surat Aku Janji; dan
- (e) Peraturan 23(3) – Tempoh maksimum melaporkan diri untuk bertugas ditetapkan oleh Suruhanjaya dalam surat tawaran pelantikan.

## **KETETAPAN SURUHANJAYA**

5. Ketetapan Suruhanjaya mengenai surat tawaran adalah seperti berikut:

- (a) surat tawaran pelantikan secara tetap dan kontrak (Interim) kepada calon yang berjaya dalam temu duga dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (b) tempoh sah laku tawaran pelantikan adalah 21 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Calon yang gagal memberikan maklum balas penerimaan tawaran dan mengemas kini status kesihatan dan/atau Akuan Berkanun dalam tempoh tersebut, tempoh sah laku surat tawaran akan luput dan tawaran terbatal;
- (c) calon yang bersetuju menerima tawaran pelantikan dikehendaki:
  - (i) membuat pemeriksaan kesihatan dan mengemas kini status kesihatan. Calon yang diperakui menghidap masalah kesihatan

hendaklah memuat naik Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam (Pin. 1/2013) melalui Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran. Calon yang gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut, tempoh sah laku surat tawaran akan luput dan tawaran terbatal;

- (ii) membuat Akuan Berkanun dan mengemas kini status Akuan Berkanun. Calon yang memotong perkataan dalam Akuan Berkanun hendaklah memuat naik Akuan Berkanun tersebut melalui Sistem SPA9 dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran. Calon yang gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut, tempoh sah laku surat tawaran akan luput dan tawaran terbatal;
- (d) tempoh sah laku surat tawaran bagi calon yang telah melengkapkan Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam (Pin. 1/2013) dan memenuhi syarat Akuan Berkanun adalah sehingga pada tarikh calon diarahkan melapor diri bertugas oleh Ketua Perkhidmatan;
- (e) tempoh sah laku surat tawaran bagi calon yang diperakui menghidap masalah kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar atau tidak memenuhi syarat Akuan Berkanun yang status pelantikannya dikekalkan oleh Suruhanjaya, adalah sehingga pada tarikh calon diarahkan melapor diri bertugas oleh Ketua Perkhidmatan;
- (f) tempoh sah laku surat tawaran bagi calon yang diluluskan penangguhan tarikh lapor diri bertugas oleh Ketua Perkhidmatan adalah sehingga pada tarikh baharu yang ditetapkan; dan
- (g) tempoh sah laku surat tawaran akan luput dan tawaran terbatal bagi calon yang tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan.

## PROSEDUR PENGURUSAN TAWARAN PELANTIKAN

6. Prosedur pengurusan tawaran pelantikan adalah seperti berikut:

### Calon

- (a) tawaran pelantikan secara tetap dan kontrak (Interim) akan dimaklumkan oleh SPA melalui Sistem SPA9;
- (b) calon diberi tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran untuk membuat keputusan sama ada menerima atau menolak tawaran;
- (c) calon yang menerima tawaran pelantikan dikehendaki membuat pemeriksaan kesihatan dan mengemas kini status kesihatan melalui Sistem SPA9. Manakala calon yang diperakui menghidap masalah kesihatan hendaklah memuat naik Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam (Pin. 1/2013) melalui Sistem SPA9;
- (d) calon yang menerima tawaran dikehendaki membuat Akuan Berkanun dan mengemas kini status Akuan Berkanun melalui Sistem SPA9. Manakala calon yang memotong perkataan dalam Akuan Berkanun hendaklah memuat naik Akuan Berkanun melalui Sistem SPA9;
- (e) calon yang menerima tawaran dikehendaki melengkapkan urusan di perenggan (c) dan (d) dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran;
- (f) calon yang diperakui menghidap masalah kesihatan dan/atau tidak memenuhi syarat Akuan Berkanun akan dipertimbangkan oleh Suruhanjaya sama ada mengekal atau membatalkan status tawaran pelantikan;

## **Tindakan Yang Membatalkan Tawaran Pelantikan**

- (g) calon membuat keputusan untuk menolak tawaran;
- (h) calon tidak membuat keputusan menerima tawaran pelantikan dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran;
- (i) calon tidak mengemas kini status kesihatan dan/atau Akuan Berkanun melalui Sistem SPA9 dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran;
- (j) calon diperakui menghidap masalah kesihatan tetapi gagal memuat naik Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam (Pin. 1/2013) melalui Sistem SPA9 dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran;
- (k) calon memotong perkataan di Akuan Berkanun tetapi gagal memuat naik Akuan Berkanun melalui Sistem SPA9 dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran; atau
- (l) calon tidak melapor diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan.

Garis masa tempoh tawaran pelantikan secara tetap dan kontrak (Interim) melalui Sistem SPA9 adalah seperti di **Lampiran A**.

## Ketua Perkhidmatan

- (a) mengeluarkan Surat Arahan Lapor Diri Bertugas bagi calon yang menerima tawaran, diperakui sihat dan memenuhi syarat Akuan Berkanun berdasarkan senarai calon dalam *Integrated Service and Disciplinary System* (TERAS). Contoh Surat Arahan Lapor Diri Bertugas kepada calon adalah seperti di **Lampiran B**;
- (b) mengeluarkan Surat Arahan Lapor Diri Bertugas kepada calon yang dikekalkan tawaran oleh Suruhanjaya bagi yang menghidap masalah kesihatan dan/atau tidak memenuhi syarat Akuan Berkanun;
- (c) tidak mengeluarkan Surat Arahan Lapor Diri Bertugas kepada calon yang menghidap masalah kesihatan dan/atau tidak memenuhi Akuan Berkanun yang status tawaran pelantikannya belum diputuskan oleh Suruhanjaya;
- (d) tidak menerima calon yang menghidap masalah kesihatan dan/atau tidak memenuhi syarat Akuan Berkanun semasa urusan lapor diri. Ketua Perkhidmatan hendaklah memuat naik laporan perubahan bagi calon yang tidak sihat atau yang memotong perkataan dalam Akuan Berkanun kepada SPA melalui TERAS;
- (e) membuat pertimbangan dan keputusan terhadap permohonan penangguhan melaporkan diri bertugas oleh calon yang diterima sebelum tarikh lapor diri bertugas yang ditetapkan;
- (f) mengeluarkan Surat Arahan Lapor Diri Bertugas yang baharu bagi calon yang diluluskan penangguhan;
- (g) mengemas kini status lapor diri calon dalam TERAS; atau
- (h) memohon kepada SPA penggantian calon yang tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan melalui sistem ePengisian.

## Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

SPA akan membuat penggantian calon berdasarkan permohonan daripada Ketua Perkhidmatan bagi calon berikut:

- (i) menolak tawaran;
- (ii) tidak memberikan maklum balas kepada tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- (iii) tidak mengemas kini status kesihatan dan/atau Akuan Berkanun dalam tempoh yang ditetapkan;
- (iv) dibatalkan tawaran oleh Suruhanjaya kerana menghidap masalah kesihatan dan/atau tidak memenuhi syarat Akuan Berkanun ; atau
- (v) tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan

Carta Alir Prosedur Pengurusan Tawaran Pelantikan Secara Tetap dan Kontrak (Interim) adalah seperti di **Lampiran C**.

## **PENGURUSAN TAWARAN PELANTIKAN KONTRAK *CONTRACT OF SERVICE* (COS)**

7. Pengurusan tawaran pelantikan kontrak COS hendaklah dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian U.P.1.1.1. - Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract Of Service*).

## **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.




## **PEMBATALAN**

9. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Bilangan 1 Tahun 2021 – Pengurusan Tawaran Pelantikan Secara Tetap adalah **dibatalkan**.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)**


Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Malaysia

2 Disember 2024

**GARIS MASA TEMPOH TAWARAN PELANTIKAN SECARA  
TETAP DAN KONTRAK (INTERIM) MELALUI SISTEM SPA9**



Tempoh **maksimum 21 hari** dari tarikh surat tawaran bagi calon untuk melaksanakan tindakan berikut;

- i) menerima tawaran;
- ii) membuat pemeriksaan kesihatan dan Akuan Berkanun;
- iii) mengemas kini status kesihatan dan Akuan Berkanun dalam SPA9; dan/ atau
- iv) memuat naik laporan perubatan bagi calon yang tidak sihat atau yang memotong perkataan dalam Akuan Berkanun melalui SPA9.



**KEPALA SURAT KEMENTERIAN/JABATAN/PSUK**

Ruj Kami : xxxxxxxx

Tarikh : xx xx xx

Nama : ██████████

No. Kad Pengenalan : ██████████

Alamat : ██████████

Tuan/ Puan,

**ARAHAN LAPOR DIRI BERTUGAS PELANTIKAN SECARA TETAP/ KONTRAK (INTERIM) BAGI (JAWATAN/GRED) DI (KEMENTERIAN/JABATAN/PSUK)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan tawaran pelantikan secara tetap/ kontrak (Interim) tuan/ puan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui surat rujukan SPA.PK/XXXXXXXXXXXXX/(X-XX) bertarikh XX.XX.XXXX, tuan/ puan adalah diarahkan untuk melaporkan diri bertugas seperti ketetapan berikut:

**Kementerian/Jabatan/PSUK : xxxxxxxx**

**Jawatan/Gred : xxxxxx**

**Tarikh Laporan Diri : xxxxxx**

**Masa : xxxxxx**

**Alamat Laporan Diri : xxxxxx**

3. Tuan/ Puan dikehendaki mengemukakan dokumen yang lengkap semasa melaporkan diri bertugas seperti berikut:

- (i) Surat Tawaran Pelantikan Tetap/ Kontrak (Interim) daripada SPA (2 salinan);
- (ii) Surat Setuju Terima Pelantikan – Sistem Tawaran Pelantikan SPA (2 salinan);
- (iii) Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam (Pin. 1/2013);

- (iv) Akuan Berkanun SPA 6C (2014); dan
- (v) Borang Perjanjian Kontrak [bagi tawaran pelantikan secara kontrak (Interim)].

4. Sekiranya tuan/puan gagal mengemukakan dokumen di perenggan 3, Kementerian/Jabatan/PSUK ini tidak akan menerima tuan/puan untuk melaporkan diri bertugas.

**5. Kegagalan tuan/ puan untuk melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan tawaran pelantikan terbatal.**

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(Ketua Perkhidmatan)

**CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN TAWARAN PELANTIKAN SECARA TETAP DAN KONTRAK (INTERIM) MELALUI SISTEM SPA9**

